



Salah seorang penerima Program Bantuan Makanan MyKasih menerima sumbangan daripada Datuk Hajah Fatimah.

• Kemudahan untuk penerima Program Bantuan Makanan MyKasih

Bayar harga makanan dengan MyKad

HAINI DARANI

JIKA anda beratur di kaunter pembayaran di pasar raya dan terlihat orang membayar harga barangan mereka hanya dengan menghulurkan MyKad, usah hairan kerana mereka ini adalah para penerima bantuan di bawah Program Bantuan Makanan MyKasih.

Di bawah program bantuan makanan MyKasih ini, keluarga terpilih menerima elaun bulanan yang disalurkan ke dalam

akaun MyKad masing-masing.

Dengan teknologi cip yang terdapat dalam MyKad, keluarga penerima boleh membeli barang makanan yang dibenarkan tanpa menggunakan wang tunai.

Sistem canggih ini membenarkan penerima bantuan memilih dan membeli barangan asas mengikut keperluan masing-masing di pasar raya yang terlibat dalam program MyKasih.

Menurut Pemegang Amanah MyKasih Foundation, Siti Khairon Shariff, Program Bantuan Makanan MyKasih "Love My Neighbourhood" ini ditaja oleh GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd atau lebih dikenali sebagai Giant.

Menyingskap latar belakang MyKasih Foundation, ia merupakan badan amal yang ditubuhkan oleh Tan Sri Dr. Ngau Boon Kat dan isteri pada 2009 atas keprihatinan

terhadap kebajikan golongan kurang berkemampuan.

Hasrat Tan Sri Ngau dan isteri adalah untuk menolong mengurangkan beban kewangan keluarga berpendapatan rendah melalui bantuan makanan.

Justeru, kata Siti Khairon, MyKasih Foundation bekerjasama dengan penyumbang individu dan korporat seperti Giant.

"Jalinan kerjasama di an-tara MyKasih dan Giant bermula sejak tertubuhnya MyKasih Foundation.

Malah, Giant merupakan rakan pasar raya Program MyKasih yang pertama," katanya semasa majlis Pelancaran Program Bantuan Makanan MyKasih Sarawak yang disempurnakan oleh Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Hajah Fatimah Abdullah, baru-baru ini.

Siti Khairon menambah kata dengan pelancaran program ini di Sarawak, Giant kini tampil sebagai penyumbang Program Bantuan Makanan MyKasih

untuk 200 keluarga penerima baharu di Kuching, Padawan, Sibau dan Miri.

Menyentuh tentang teknologi MyKad yang dibangunkan oleh ePetrol Services untuk MyKasih Foundation ini, beliau berkata ia memastikan semua dana sumbangan disalurkan terus kepada penerima bantuan yang layak.

"Kecekapan dan ketelusan sistem pengagihan bantuan makanan MyKasih mendorong Giant untuk menyumbang kepada program bantuan

makanan ini.

MyKasih Foundation amat berterima kasih kepada Giant di atas sokongan padu yang diberi sebagai rakan pasar raya dan juga syarikat penderma," katanya.

Dengan sokongan yang berterusan daripada Giant dan rakan penyumbang yang lain, kini seramai 226,555 pelajar dan keluarga berpendapatan rendah di serata Malaysia berjaya dibantu melalui program MyKasih ini.



Sepuluh daripada 200 penerima Program Bantuan Makanan MyKasih di Sarawak mengabadikan kenangan bersama tetamu kehormat.



Urusan pengagihan bantuan menjadi lebih mudah dengan teknologi ini.

Headline	Bayar harga makanan dengan MYKad		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	07 Sep 2015	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M8,7	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1201 cm ²
Journalist	HAINI DARANI	AdValue	RM 6,155
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 18,465

Program Mykasih *Love My Neighbourhood* Sarawak

UNTUK program di Sarawak, Giant menyumbang RM192,000 kepada Program Bantuan Makanan MyKasih bagi menyokong 200 keluarga berpendapatan rendah terpilih di Sarawak bagi tempoh selama setahun.

Menurut Ketua Operasi GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd, Malaysia Timur, Marius Knight, dengan pelancaran program bantuan hari ini, bermakna Giant memperluas lagi sumbangan mereka ke pelbagai lokasi di Malaysia Timur.

Kata beliau, 200 keluarga dari Kuching, Miri dan Sibu yang berpeluang menikmati bantuan ini dikenal pasti oleh MyKasih dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak.

“Melalui bantuan ini, mereka dapat membeli barangan keperluan harian seperti beras, roti, biskut, tepung, minuman, minyak masak, telur, perencah makanan, mi dan makanan dalam tin.

“Semua keluarga terpilih boleh membeli barangan ini di enam cawangan Giant di Sarawak,” katanya.

Menyentuh tentang kerjasama dengan MyKasih, Knight berkata ini merupakan tahun ketujuh pihaknya bekerjasama dengan MyKasih Foundation.

“Sejak MyKasih Foundation ditubuhkan dalam tahun 2009, GCH Retail telah mula menjadi rakan kongsi Program Bantuan Makanan MyKasih *Love My Neighbourhood*.

“Ketika itu kami hanya sebuah pasar raya yang mengambil bahagian iaitu Giant Hypermarket Bandar Kinrara di Selangor dengan hanya 50 penerima bantuan di sekitar kejiranan berkenaan,” katanya.

Headline	Bayar harga makanan dengan MYKad		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	07 Sep 2015	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M8,7	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1201 cm ²
Journalist	HAINI DARANI	AdValue	RM 6,155
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 18,465

Selepas enam tahun, kini pada November 2011, GCH Retail mempunyai 72 Retail bekerjasama dengan pasar raya Giant yang berkhidmat untuk para penerima MyKasih dalam program burisari pelajar *Love My School* bantuan MyKasih di seluruh dan menyumbang sejumlah negara. RM800,000 yang kemudiannya memberi manfaat kepada 20 sekolah.

Tidak terhad setakat itu, pada November 2011, GCH Retail bekerjasama dengan pasar raya Giant yang berkhidmat untuk para penerima MyKasih dalam program burisari pelajar *Love My School* bantuan MyKasih di seluruh dan menyumbang sejumlah negara. RM800,000 yang kemudiannya memberi manfaat kepada 20 sekolah.



KETUA Operasi GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd, Malaysia Timur, Marius Knight menyerahkan sumbangan dari Giant kepada Pemegang Amanah MyKasih Foundation, Siti Khairon Shariff sambil disaksikan oleh Datuk Hajjah Fatimah Abdullah.